

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 21 OKTOBER 2016 (JUMAAT)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Nahrim, Pergigian ATM menang AIN 2016	Utusan Malaysia
2.	Kreativiti dan inovasi pemangkin ekonomi	Utusan Malaysia
3.	Menyemarak budaya inovasi, produktiviti PKS	Berita Harian
4.	Kerjasama Fraunhofer Germany, SIRIM perkukuh akses pasaran	Berita Harian

# KERATAN AKHBAR

## UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9

### TARIKH : 21 OKTOBER 2016 (JUMAAT)



MADIUS TANGAU (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada pemenang Perkhidmatan Pergigian Angkatan Tentera Malaysia pada majlis Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 anjuran MOSTI di Hotel Hilton, Kuala Lumpur kelmarin.



MADIUS TANGAU (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada pelajar MRSM Taiping pada majlis Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016.



WARTAWAN Utusan Malaysia, Asthir Fahmy Ahmad (dua kanan) menerima replika cek berjumlah RM10,000 bagi anugerah kategori Media Cetak daripada Madius Tangau (dua dari kiri).

## Nahrim, Pergigian ATM menang AIN 2016

Oleh NORMAIRAH JAMALUDDIN  
■ KUALA LUMPUR 20 OKT.

**I**NSTITUT Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrim) dan Perkhidmatan Pergigian Angkatan Tentera Malaysia (PPATM) memenangi Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Kedua-dua pemenang adalah bagi Kategori Produk dan Perkhidmatan yang menghasilkan ciptaan inovasi produk Nahrim Integrated Drainage System (NIDS) dan perkhidmatan Portable Dental Treatment Unit Compact and Tough (CAT).

Masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM50,000 berserta plak dan sijil penghargaan.

Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai Nahrim, Prof. Dr. Ir. Nasehir Khan E.M Yahaya berkata, produk NIDS adalah satu sistem perparitan generasi ketiga selepas perparitan tanah dan konkrit di mana NIDS mempunyai kemudahan rawatan sisa pepejal seperti sampah-sarap, endapan, minyak dan rawatan sisa terlarut serta sistem penyusupan air tanah.

“Lebihan air larian permukaan yang melalui proses rawatan dan resapan akan mengalir ke sistem sungai berdekatkan. “Oleh yang demikian, kualiti dan kuantiti air larian permukaan ada-



Produk NIDS adalah satu sistem perparitan generasi ketiga selepas perparitan tanah dan konkrit di mana NIDS mempunyai kemudahan rawatan sisa pepejal seperti sampah-sarap, endapan, minyak dan rawatan sisa terlarut serta sistem penyusupan air tanah.”

**NASEHIR KHAN E.M YAHAYA**  
Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai Nahrim

lah terkawal sebelum dilepaskan ke sistem penerimaan air. Impak banjir dan pencemaran sungai dapat dikurangkan.

“Saya berterima kasih kepada pihak MOSTI kerana memberi pengiktirafan ini kepada Nahrim,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyampaian anugerah



MADIUS TANGAU (sebelas dari kiri) bergambar bersama pemenang-pemenang pada majlis Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 anjuran MOSTI di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, kelmarin. - GAMBAR AZLAN HADI ABU BAKAR

langsungan anugerah tersebut.

Sementara itu, Mejar Faizal Abdul Rahman daripada PPATM berkata, pelaksanaan projek inovasi CAT dalam tempoh singkat telah memberi perkhidmatan yang berkesan kepada ATM.

“Ia telah mencapai tujuan pelaksanaannya bagi membangunkan sebuah unit peralatan rawatan pergigian mudah-alih yang berkonsepkan peralatan

yang lengkap, kompak, ringan, tahan lasak, mempunyai mobiliti yang tinggi, mesra pengguna dan secara relatifnya berkos rendah.

“Hasil projek ini telah turut meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan pergigian selaras dengan visi, misi, matlamat dan peranannya kepada Kementerian Pertahanan dan negara.

“Sehingga kini, PPATM telah berjaya menghasilkan sebanyak

26 unit CAT dengan lapan model baru,” ujarnya.

Pemenang kategori sekolah,

Alif Imran Zabri, 17, dari MRSM Taiping berkata, produk yang dihasilkan adalah sebatang tiang yang diberi nama FO-ver iaitu singkatan perkataan *Float Over* yang bertfungsi memberi isyarat atau amaran kepada pengguna jalan raya untuk mengelakkan kenderaan terjeruh di dalam sungai

atau parit semasa banjir.

“Sekiranya berlaku banjir, terdapat insiden yang mana orang ramai atau kenderaan terjeruh ke dalam longgar atau sungai kerana jarak penghinaan kurang pada permukaan jalan.

“Jadi, FO-ver bertindak sebagai tanda jalan sementara bagi memberi isyarat selain menunjukkan para air banjir kepada pengguna jalan raya,” katanya.

Seorang lagi pemenang kategori akar umbi, Teng Yu-Mein dari Efinity Social Enterprise berkata, produk yang dihasilkan dapat membantu pendukuk luar bandar dan Orang Asli mendapatkan air yang bersih.

“Ada ramai Orang Asli yang tinggal di kawasan luar masih tidak mempunyai paip air yang bersih. Maka, inovasi kami ini akan membolehkan mereka meneapis air sungai atau air bukit tanpa tekanan paip atau pam elektrik untuk minuman dan kegunaan harian.

“Inovasi ini juga akan menjadi amat berguna semasa banjir,” ujarnya.

Sebanyak enam kategori dipertandingkan iaitu kategori produk, perkhidmatan; akar umbi; sekolah; media cetak dan media elektronik pada anugerah itu.

Dua anugerah sampingan turut diperkenalkan iaitu Anugerah Juruteknologi dan Anugerah Saintis Muda Negara.

# KERATAN AKHBAR

## UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9

### TARIKH : 21 OKTOBER 2016 (JUMAAT)

## Kreativiti dan inovasi pemangkin ekonomi

Oleh C. SHEILA RANI  
pengarang@utusan.com

**KUALA LUMPUR 20 Okt.** - Terdapat banyak peluang untuk Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di Malaysia maju ke hadapan dan memacu pembangunan ekonomi negara selaras dengan Dasar Sains dan Teknologi Negara yang bertujuan menggalakkan penggunaan Sains dan Teknologi sebagai alat untuk pembangunan ekonomi negara.

Malah, sebagai peneraju STI negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diberi mandat untuk memacu ekonomi baharu iaitu ekonomi yang tidak lagi bergantung kepada komoditi tetapi pengerahan kepada teknologi.

Menyatakan, Datuk Seri Madius Tangau berkata, Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada pertanian sebagai sumber ekonomi yang mana asset utama ialah tanah memandangkan ia terhad dan akan mengalami kehabisan sumber ini pada masa akan datang.

"Kini kita berada dalam era ekonomi yang mana kreativiti dan inovasi menjadi pemangkin kepada daya saing di masa hadapan."

"Oleh itu, ekosistem STI negara akan diperkuatkan dalam mendepani 'Industri Revolusi Keempat' yang akan mengubah tapis ekonomi dunia secara keseluruhannya," katanya ketika berucap dalam majlis penutupan Program Pameran Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 di sini, Selasa lalu.



**PEMPAMER.** Teng Yu Mein (kiri) menerangkan sesuatu kepada Madius Tangau (dua dari kiri), Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kanan) dan Setiausaha Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan MOSTI, Lailah Mohd. Che Darus (kanan) pada Majlis Penutupan Pameran Anugerah Inovasi Negara 2016.



**MADIUS TANGAU** (tengah) memerhatikan gimbik Piala AIN 2016 pada Majlis Penutupan Pameran Anugerah Inovasi Negara 2016. Turut bergambar bersama, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (dua dari kiri), Timbalan Ketua Setiausaha Pengkomersialan dan Perancangan MOSTI, Kua Abun (kiri), Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Mohd Azhar (dua dari kanan) dan Setiausaha Bahagian Perkhidmatan dan Pembangunan MOSTI, Lailah Mohd Che Darus (kanan).

Kata beliau, sekiranya Malaysia melepaskan diri daripada perangkap pendapatan sederhana maka kita perlu beralih daripada negara yang bergantung kepada sumber asli dan industri intensif buruh kepada ekonomi berasaskan sains, teknologi dan industri.

Malaysia juga harus mencontoh negara seperti Korea Selatan dan Sweden selain menjadikan kedua-

duanya sebagai penanda aras dalam usaha merancakkan lagi pembudayaan inovasi dalam kalangan rakyat.

"Korea mampu menjadi negara maju walaupun tiada sumber asli, kesan daripada menjadikan sains dan teknologi sebagai peneraju perkembangan ekonomi negara tersebut, manakala Sweden yang hanya mempunyai seramai 9.9

juta penduduk tetapi mampu mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi pada tahun lalu bernilai AS\$ 492.62 bilion.

"Sedangkan Malaysia dengan penduduk seramai 31 juta, nilai KDNK hanya sebanyak AS\$ 296.22 bilion pada tahun lalu. Sweden juga telah menghasilkan seramai 578 hadiah pemenang nobel dan 52 peratus sumber tenaga daripada tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Kata Madius, negara-negara ekonomi utama dunia seperti Jerman, Belanda dan Jepun bermula dengan ekonomi berdasarkan pertanian dan sumber semula jadi tetapi kini kekuatan dan kesinambungan ekonomi mereka beralih kepada pengetahuan, inovasi, kemahiran dan kebakaran yang tinggi.

"Untuk Malaysia maju ke hadapan, sudah tiba masanya bagi kita terus menjadikan inovasi sebagai pelonjak utama yang mampu memacu ekonomi negara terutamanya dengan mengembangkan inovasi dalam bidang sains dan teknologi agar mampu menjadikan negara maju seperti Korea Selatan dan Sweden," ujar beliau.

Ketika mengulas mengenai Pameran Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016, Madius berkata, anugerah yang dijururkan sejak 2006 itu bermatlamat sama iaitu mengiktiraf usaha inovasi dan kreativiti oleh mereka cipta tempatan yang menjaga

**INFO**  
**Kategori Produk**  
Pemenang: Nahrim  
Produk: Nahrim Integrated Drainage System (NIDS)  
Wang tunai RM50,000, plak dan sijil penghargaan

**Kategori Perkhidmatan**  
Pemenang: PPATM  
Produk: CA  
Wang tunai RM50,000, plak dan sijil penghargaan

**Kategori Akar Umbi**  
Pemenang: Effinity Social Enterprise  
Produk: Effinity Ez Water Filter System  
Wang tunai RM20,000, plak dan sijil penghargaan

**Kategori Selepas**  
Pemenang: Maklub Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping  
Produk: Fo-Over (Float Over)  
Wang tunai RM10,000, plak dan sijil penghargaan

**Kategori Media Cetak**  
Pemenang: Ashrin Fahmy Ahmad (Utusan Malaysia)  
Artikel: Balik Tuis Manusia  
Wang tunai RM10,000, plak dan sijil penghargaan

na idea, ciptaan dan produk baharu dalam bidang sains dan teknologi.

AIN juga menjadi platform kepada mereka cipta tempatan untuk memperkenalkan hasil ciptaan inovasi masing-masing kepada negara.

Program berkenaan diharap memundi dorongan kepada penciptaan untuk terus mencipta dan diwujudkan dalam jangka panjang, Malaysia akan mendapat hasil daripada mereka cipta yang berkualiti.

"Saya juga dimaklumkan pada tahun ini, terdapat dua kategori baharu anugerah diperkenalkan iaitu Kategori Media Cetak dan Kategori Media Elektronik.

"Pengenalan anugerah ini adalah untuk menghargai peranan media yang penting dalam memperkisas agenda STI negara, khasnya apabila berjaya mengang-

kat kedudukan sains, teknologi dan inovasi supaya lebih dekat dengan masyarakat sejajar dengan usaha kerajaan untuk merakyatkan STI (*Humanising STI*).

"Saya berharap langkah ini akan meningkatkan pernyerahan pada AIN 2017 dan tahun seterusnya sehingga mencecah sekurang-kurangnya 1000 penyertaan," ujarnya.

Tambah beliau, sebanyak 519 hasil inovasi telah dinilai bagi merebut anugerah yang dipertandingkan dalam AIN 2016.

"Bilangan penyertaan ini menunjukkan rakyat Malaysia sebenarnya banyak menghasilkan produk dan ciptaan inovasi, cuma ianya mungkin tidak diketahui serta kurang mendapat publisit, oleh itu inovasi ini perlu diketengahkan dan dikongsikan," katanya.

Ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah Anugerah Inovasi, beliau berkata, satu Pelan Induk Sains dan Teknologi (STI) Nasional sedang dirangka bagi menyediakan halatuhan baharu STI negara untuk tempoh jangka sederhana dan panjang.

Katanya, pelan tersebut akan memastikan ekosistem STI negara berpaksikan kepada *convergence of manpower and resources*.

"Saya percaya, pelan induk yang dirangka secara bersepadu ini telah mengambil kira keseimbangan pelbagai sumber negara.

"Oleh yang demikian, adalah dijangkakan bahawa pembentukan inovasi dapat dilaksanakan dengan menyeluruh bermula di peringkat sekolah sehingga kepada pemain industri di pelbagai sektor," ujarnya.

Menurut beliau, diharap penyertaan AIN pada masa akan datang akan lebih menggalakkan dan inovasi yang dihasilkan akan terus dialplikasi secara menyeluruh.

Menurut Madius, dunia kini berada di ambang Revolusi Industri ke-4 iaitu teknologi gabungan siber-fizikal bergantung kepada teknologi yang lebih maju seperti teknologi nano, robotik dan batayak lagi.

"Oleh itu, kita perlu mengambil peluang daripada inovasi seperti teknologi nano untuk meningkatkan kesediaan kita menghadapi era berkenaan.

"Untuk menjamin kejayaan negara, kita perlu melihat kemajuan negara lain seperti Jerman, Sweden, Switzerland dan Jepun yang menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda berterusan dalam pembangunan ekonomi mereka," ujarnya.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (PRODUKTIVITI) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2016 (JUMAAT)**

# Menyemarak budaya inovasi, produktiviti PKS



→ Kerjasama strategik PPRN, universiti tempatan tingkat prestasi produk

■ Kuala Lumpur

**K**olaborasi strategik membabitkan Kementerian Pendidikan Tinggi, SIRIM, Yayan Steinbeis Malaysia, PlaTCom Ventures dan SME Corp adalah antara usaha dijalankan bagi menyemarakkan budaya inovasi dan produktiviti di kangan Perusahaan Kecil dan Se-derhana (PKS).

Impak ke atas projek kerjasama ini dipantau oleh Majlis Pemantauan Produktiviti Kebangsaan (NOPC) yang ditubuhkan pada April 2015 di bawah Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Projek yang dilaksanakan secara kolaborasi ini dinilai menggunakan pendekatan Pengukuran Ke-

berhasilan Produktiviti (PGM) merangkumi pengukuran produktiviti dari segi kuantitatif dan kualitatif.

Satu daripada kolaborasi strategik adalah Jaringan Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) membabitkan kumpulan sasaran antara Universiti Tempatan dan PKS.

Bagi kolaborasi ini Syarikat Encoral Digital Solutions Sdn Bhd menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk menghasilkan Online Quranic Verification Tool.

#### Jimatkan masa

Pengarah Pemasaran Encoral Digital Solution Sdn Bhd, Mohd Taib Pardi, berkata dengan adanya kerjasama itu, ia dapat memendekkan tempoh masa untuk menyiapkan projek berkenaan.

"Projek yang kami laksanakan ini adalah lebih berbentuk khidmat sosial korporat (CSR) hasil kerjasama dengan Institut Al Sunnah Wal Jamaah.

"Sebagai syarikat, keutamaan kami adalah melaksanakan projek komersial.

"Sebelum adanya PPRN, projek

ini berjalan dengan perlahan kerana bukan mudah untuk membuat pengesahan ayat Quran yang ada atas talian tetapi selepas kerjasama dengan UniSZA ia memudahkan kami melaksanakannya.

"Kerjasama ini, sekali gus menaikkan nama syarikat kami," katanya.

#### Kongsi kepakaran

Timbalan Pengarah pembelajaran UniSZA, Dr Syarilla Iryani Ahmad Saany, berkata menerusi usaha ini UniSZA dapat berkongsi kepakaran dengan industri dan komuniti.

"Penyelidikan yang kami bangunkan ini memenuhi kehendak industri dan hasil kajian ini adalah bersifat realistik dan mampu menyelesaikan masalah sebenar.

"Bagi syarikat, mereka dapat meningkatkan prestasi dan mempelbagaikan produk.

"Perbincangan dua hala dapat memberi input yang sangat bermakna buat UniSZA khususnya dan penyelidik.

"Kerjasama ini sekali gus membuktikan bahawa penyelidikan UniSZA berkualiti," katanya.

Sebelum adanya PPRN, projek ini berjalan dengan perlahan kerana bukan mudah untuk membuat pengesahan ayat Quran yang ada atas talian tetapi selepas kerjasama dengan UniSZA ia memudahkan kami melaksanakannya

**Mohd Taib Pardi,**  
Pengarah Pemasaran Encoral Digital Solution Sdn Bhd

→ **Info**  
→ **Impak projek kerjasama strategik** ini dipantau oleh Majlis Pemantauan Produktiviti Kebangsaan (NOPC).  
→ **Program ini dinilai menggunakan pendekatan Pengukuran Keberhasilan Produktiviti** atau Productivity Gain Measurement (PGM) yang merangkumi pengukuran produktiviti dari segi kuantitatif dan kualitatif.

**Syarilla Iryani Ahmad Saany,**  
Timbalan Pengarah pembelajaran UniSZA

ativity Gain Measurement (PGM) yang merangkumi pengukuran produktiviti dari segi kuantitatif dan kualitatif.  
→ **Majlis ini dipengerusikan oleh Datuk Seri Mustapa Mohamed** dan Perbadanan Produktiviti (MPC) adalah Sekretariat.

#### Perkongsian strategik

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (PRODUKTIVITI) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH : 21 OKTOBER 2016 (JUMAAT)**

## **Kerjasama Fraunhofer Germany, SIRIM perkukuh akses pasaran**

**Model** perkongsian strategik antara Fraunhofer Germany dan SIRIM dapat memperkuatkan akses pasaran serta meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Perkongsian ini memberi tumpuan kepada pengauditan, penembusan (penetration) serta naik taraf teknologi.

### **Jimat kos elektrik**

Bagi Pengurus WT Plastic Products Sdn Bhd, Lim Chai Seng, kerjasama yang dilaksanakan itu sangat membantu syarikatnya menjimatkan kos penggunaan elektrik.

"Dalam perniagaan plastik kos paling tinggi perlu kami tanggung adalah elektrik, kebanyakannya syarikat menanggung kos melebihi RM100,000 sebulan.

"Hasil audit tahun lalu, saya dipermenangkan oleh SIRIM kepada penyelesaian (solution) untuk menjimatkan elektrik dan akan

membantu kami menjimatkan kos sehingga 44 peratus.

"Penjimatatan ini sekali gus memberikan peningkatan kualiti kepada produk kami," katanya.

### **Tingkat produktiviti**

Juruperunding Utama SIRIM, Nor Azlan Mohd Ramli, berkata objektif SIRIM dalam kerjasama ini adalah untuk meningkatkan produktiviti, operasi dan menjadikan PKS lebih kompetitif.

"Kebanyakan syarikat yang kami bekerjasama ini adalah menjurus kepada mekanisasi dan automasi.

"Jadi intervensi teknologi adalah melalui penambahbaikan kepada susun atur kilang, peningkatan teknologi dalam proses pengeluaran serta peningkatan dalam keupayaan reka bentuk.

"Setakat ini, sebanyak 33 syarikat bekerjasama dengan SIRIM untuk peningkatan teknologi," katanya.

(FOTO MOHAMAD SHAHRILO BADRI SAALI/BH)

**YB Dato' Sri Mustapa Mohamed**  
**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

13 OKTOBER 2016



**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed** berucap ketika merasmikan Seminar Amalan Baik 'Perkongsian Strategik ke Arah memacu Inovasi dan Produktiviti', di Dewan Perdana, Menara MITI, Kuala Lumpur, baru-baru ini.